



RURAL CAPITAL BERHAD. (198401015843)  
 Unit Pembiayaan,  
 Tingkat 13, Menara MARA,  
 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
 50100Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2638 1121

<p><b>LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK</b></p> <p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Skim Pembiayaan Ekonomi Desa- (SPED). Terma dan syarat pinjaman dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian.</p>	<p><b>RURAL CAPITAL BERHAD</b></p> <p><b>SKIM PEMBIAYAAN EKONOMI DESA (SPED)</b></p> <p>Tarikh:</p>
<p><b>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Bumiputera Luar Bandar melalui peruntukan yang disediakan untuk meningkatkan tahap ekonomi usahawan.</li> </ul>	
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tawaruq</b>        Tawarruq adalah merujuk kepada transaksi jual beli komoditi atau aset berasaskan pembayaran tangguh secara Murabahah (iaitu harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) atau Musawamah (iaitu jual beli yang tidak mendedahkan harga kos aset dan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi atau aset tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain daripada penjual asal) bagi mendapatkan tunai.</li> <li>• <b>Wakalah Bil Ujrah</b>        Wakalah bermaksud pihak Pemilik Dana sebagai Muwakkil bersetuju untuk mewakilkan Rural Capital Berhad bagi menyalurkan pembiayaan dan mengutip bayaran bagi pihak mereka.        Sebagai imbalan terhadap perkhidmatan oleh tersebut, Rural Capital Berhad akan dibayar ujrah/ upah atau yuran perkhidmatan oleh pihak Pemilik Dana (KKDW). Yuran tersebut tidak ditentukan atas penyediaan kredit bahkan tidak ditentukan dengan mempertimbangkan had tempoh kredit.</li> </ul>	
<p><b>3. Apakah yang saya akan dapat melalui tawaran dari produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah pinjaman: RM 20,000.00 sehingga RM250,000.00</li> <li>• Tempoh pinjaman: 5 Tahun Maksima</li> <li>• Bentuk Pembiayaan yang dibiayai adalah       <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Model Kerja (Perolehi Bahan Mentah)</li> <li>ii. Aset/ mesin/ peralatan/ kenderaan/ ubahsuai premis perniagaan yang baharu/ kerja kontrak (yang digunakan untuk menjalankan perniagaan)</li> </ol> </li> <li>• Skop Pembiayaan       <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pembuatan</li> <li>b. Perkhidmatan</li> <li>c. Pertanian</li> <li>d. Pelancongan Desa</li> <li>e. Lain-lain sektor perniagaan yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Kelulusan Pembiayaan</li> </ol> </li> </ul>	

**4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?**

- Ansuran Tempoh Pernafasan: 6 Bulan
- Ansuran bulanan: \_\_\_\_\_
- Jumlah keseluruhan pinjaman adalah:

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

- Yuran Proses: Tiada
- Yuran Perkhidmatan: 3.5% atas baki berkurang
- Duti setem: 0.5% dari jumlah pinjaman seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).
- Pelanggan dinasihati mengambil perlindungan takaful daripada syarikat takaful yang dilantik oleh Rural Capital Berhad

**6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang ditetapkan?**

- Sekiranya Pelanggan menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab membayar ansuran bulanan, sila hubungi Rural Capital Berhad dengan segera.
- Kelewatan membuat bayaran akan menyebabkan perkara-perkara berikut – Caj Ganti Rugi

(Ta'widh):

Ketika tempoh pinjaman:	1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak
Selepas tamat tempoh pinjaman:	Berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Rural Capital Berhad Secara Islam ke atas baki

- Rural Capital Berhad berhak menolak/ mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan/ Akaun Saham Keanggotaan) Pelanggan di Rural Capital Berhad sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak
- Rural Capital Berhad berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos ditanggung oleh Pelanggan.

**7. Bagaimana sekiranya hutang pinjaman dilangsaikan sebelum tempoh matang?**

- Pemberian 30% rebat adalah bukan secara automatik dan hanya diberikan kepada pelanggan SPED yang memohon, layak dan diwujudkan oleh Kerajaan.
- Dalam tempoh permohonan tersebut, pelanggan perlu meneruskan bayaran pembiayaan mengikut ansuran yang telah ditetapkan.
- Tempoh masa bagi permohonan 30% Rebate ialah apabila bayaran pembiayaan telah mencapai 70% (70% pembiayaan pokok + 3.5% kadar keuntungan RCB) daripada nilai keseluruhan pembiayaan dengan rekod sejarah pembayaran ansuran tanpa tunggakan.
- Tempoh masa bagi bayaran pembiayaan yang mencapai 70% (70% + 3.5%) adalah sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga(3) tahun selepas mendapat pembiayaan.
- Bayaran ansuran hendaklah mengikut tarikh yang ditetapkan, tidak melebihi tarikh akhir setiap bulan, bilangan kelewatan tidak melebihi tiga (3) kali dan pembiayaan tidak pernah dijadual atau distruktur semula.
- Pemberian 30% Rebate hanya dibenarkan bagi pembiayaan SPED terkumpul yang diluluskan/ dikeluarkan tidak melebihi RM250,000.00 sahaja.
- Penerima 30% Rebate akan dicalonkan untuk Anugerah Usahawan Cemerlang dan Anugerah Usahawan Ikon sekiranya menunjukkan prestasi perniagaan yang meningkat selepas mendapat kelulusan pembiayaan.

<p><b>8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan masih bertanggungjawab memastikan bayaran ansuran bulanan dibuat seperti yang dinyatakan di dokumen perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan seperti kehilangan pekerjaan atau sakit.</li> </ul>	
<p><b>9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Cagaran tidak diperlukan untuk pinjaman ini melainkan untuk mesin/ peralatan yang dibiayai.</li> </ul>	
<p><b>10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan maklumat?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelanggan hendaklah menghubungi Rural Capital Berhad dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat bagi memastikan urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.</li> </ul>	
<p><b>11. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?</b></p> <p>Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Risalah produk</li> <li>• Layari <a href="http://www.ruralcapital.com.my">www.ruralcapital.com.my</a></li> <li>• Unit Pembiayaan Rural Capital Berhad Tingkat 13, Menara MARA, 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur Tel: 03-2638 1200 <a href="mailto:pembiayaan@ruralcapital.com.my">pembiayaan@ruralcapital.com.my</a></li> </ul>	<p><b>Sebarang cadangan, pertanyaan atau aduan boleh disalurkan ke:</b></p> <p>Unit Pembiayaan Rural Capital Berhad Tingkat 13, Menara MARA, 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur Tel: 03-2638 1200 <a href="mailto:pembiayaan@ruralcapital.com.my">pembiayaan@ruralcapital.com.my</a></p>
<p><b>12. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan apabila menghadapi masalah membuat bayaran ansuran pinjaman?</b></p> <p>Pelanggan boleh menghubungi dengan segera di alamat berikut:</p> <p>Unit Pembiayaan Rural Capital Berhad Tingkat 13, Menara MARA, 232, Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur Tel: 03-2638 1200 <a href="mailto:pembiayaan@ruralcapital.com.my">pembiayaan@ruralcapital.com.my</a></p>	
<p><b>13. Lain-lain Pakej Pinjaman Yang Ditawarkan</b></p> <p>(Nyatakan sekiranya ada)</p>	

**PENTING**

- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PINJAMAN**
- **PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA SYARIAH**
- **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN.**